

PM syor lebih banyak buku sejarah ditulis dalam bentuk drama

JM 17 JUN 1988

KUALA LUMPUR 16 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan kepada para penulis supaya menghasilkan lebih banyak buku sejarah dalam bentuk cerita atau drama dalam usaha memperkenalkan lagi sejarah lama negara ini.

Perdana Menteri semasa membuat cadangan tersebut berkata "sekiranya buku - buku seperti itu dapat dihasilkan dengan lebih banyak lagi sejarah lama tanahair akan dapat diperkenalkan dengan lebih berkesan."

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, buku - buku seperti itu nanti bukan sahaja dapat meningkatkan lagi semangat orang - orang Melayu tetapi juga dapat membentuk peribadi dan identiti kemelayuan di kalangan orang - orang Me-

layu nanti.

Berucap di majlis perasmian sebuah buku berbentuk drama yang berjudul "Sungai Korok Wan Mat Saman" karya Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamed Zahir Ismail di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini petang ini, Perdana Menteri turut mengesyorkan supaya buku - buku itu nanti dipentaskan dalam bentuk drama pentas supaya ia boleh kekal dalam fikiran rakyat.

Di samping itu, tambah Perdana Menteri, ia akan dapat juga memperkenalkan kejayaan tokoh - tokoh di zaman dahulu seperti mana yang ditulis oleh Tan Sri Mohamed Zahir yang menonjolkan tentang ketokohan Wan Mat Saman.

Sejarah

Beliau memuji Tan Sri Zahir kerana berani menulis cerita sejarah dalam bentuk drama yang sememangnya sukar dilakukan.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga meminta penulis - penulis lain supaya mencontohi langkah yang telah dibuat oleh Tan Sri Zahir menulis buku sejarah berbentuk drama.

Sementara itu Tan Sri Zahir dalam ucapannya sebelum itu memberitahu, beliau menulis buku tersebut kerana kagum akan kebolehan Wan Mat Saman sebagai Perdana Menteri sehinggakan Kedah boleh menjadi negeri yang makmur.

Selain dari itu, ujarnya, beliau menyanjung tinggi kegigihan Wan Mat Saman membina terusan dari Alur Setar ke Gurun, Kedah yang mengambil masa 10 tahun.

Speaker Dewan Rakyat itu juga mencadangkan kepada kerajaan supaya memberikan saguhati sejumlah \$70,000 kepada setiap penulis yang menulis buku berbentuk ilmiah.

Beliau yakin dengan cara ini sahaja ramai penulis termasuk kakitangan kerajaan akan menulis sekurang - kurangnya sebuah buku berbentuk ilmiah.